



PEMBANGUNAN PENDIDIKAN DAN KELESTARIAN SUMBER MANUSIA DI FELDA

(Educational Development and Sustainability of Human Resources in FELDA)

Noraziah Ali, Noorzah Zakaria & Mohd Azlan Abdullah

ABSTRAK

Faktor pendidikan adalah elemen paling penting dalam pembangunan sumber manusia. Program pembangunan pendidikan di FELDA bertujuan untuk melahirkan sumber manusia berpotensi di kalangan generasi kedua yang berilmu, bertanggungjawab dan mampu bersaing. Kajian ini dijalankan untuk meneliti pembangunan pendidikan dan implikasinya, di FELDA secara amnya dan di Felda Bersia, Grik, Perak secara khusus. Pengumpulan data di lapangan telah dilakukan antara bulan Jun hingga Ogos 2007. Pelbagai program dilaksanakan untuk menambahbaik pencapaian pendidikan anak-anak peneroka. Keberkesanan program dapat diukur berdasarkan keputusan peperiksaan UPSR, PMR dan SPM. Secara umumnya, prestasi akademik pelajar di FELDA telah berjaya diperbaiki, termasuk segelintir yang cemerlang. Walau bagaimanapun, FELDA tidak menyediakan peluang melanjutkan pelajaran dan peluang pekerjaan yang banyak, menyebabkan sebahagian besar generasi kedua berhijrah keluar ke bandar sama ada untuk melanjutkan pelajaran atau bekerja. Implikasinya, usaha pembangunan pendidikan di FELDA telah melahirkan ramai individu yang berjaya, tetapi di luar FELDA. Sehubungan itu, pembangunan FELDA sendiri bergantung kepada peneroka yang sudah lanjut usia dan sumber manusia generasi kedua yang kurang cemerlang.

Kata kunci: FELDA, sumber manusia, generasi kedua & pendidikan.

ABSTRACT

Educational factors is the most important element in the development of human resources. Educational development in FELDA aims to produce human resources with potential among the second generation who are knowledgeable, responsible and competitive. These study was conducted to examine the development of education and its implications in FELDA and in the Felda Bersia, Grik, Perak in particular. Field data collection was conducted between June and August 2007. There were various programmes implemented to improve settlers children's education performance. Programmes effectiveness can be measured based on the results of UPSR, PMR and SPM. In general, the academic performance among students in FELDA has improved, including a handful of successes. However, FELDA did not provide further educational and employment opportunities in the land schemes, causing most of the second generation migrating to the cities, either to further their study or to work. The implication of the development of education in FELDA has produced many successful individuals, but not in the schemes. Consequently, the development of FELDA itself depends on old settlers and human resources of the second generation who are less excellent.

Keywords: FELDA, human resources, second generation & education.

PENGENALAN

Kepentingan dan peranan faktor pendidikan dalam pembangunan sumber manusia telah menyebabkan masyarakat dunia memberi tumpuan khusus terhadap pembangunan pendidikan. Pelaburan dalam pendidikan memberi impak besar ke atas pembangunan ekonomi sesebuah negara (Wan Mohd Zahid 1993). Di Malaysia, pembangunan pendidikan dijadikan strategi utama Dasar Ekonomi Baru yang bermatlamat membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat (Rahmah 2003: 84). Masyarakat mempunyai harapan besar terhadap pendidikan yang memberi peluang kepada generasi akan datang untuk mobiliti sosial dan sekaligus bebas daripada belenggu kemiskinan (Hasnah & Noraziah 2007, Nor Aini 2002, Rahmah 2003).

Pembangunan pendidikan di FELDA (Federal Land Development Authority) adalah selari dan selaras dengan program pendidikan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia yang berusaha untuk melahirkan sumber manusia negara yang berkebolehan. Pelbagai program tambahan pembelajaran telah dilaksanakan untuk memastikan kejayaan pelajar dalam pelajaran mereka dan seterusnya sebagai jaminan masa depan generasi muda FELDA. Pihak FELDA sendiri telah mengeluarkan peruntukan yang besar untuk membiayai program pendidikan tambahan untuk dilaksanakan di semua sekolah di seluruh tanah rancangan yang dikelolakan oleh FELDA (FELDA 1994 - 2006).

Matlamat pembangunan pendidikan FELDA ialah untuk meningkatkan taraf pendidikan generasi kedua FELDA supaya pencapaian pendidikan mereka tidak berbeza berbanding dengan golongan lain di luar FELDA. Banyak kemajuan yang dicapai oleh remaja FELDA tetapi ramai juga yang kurang berjaya. Sejak FELDA ditubuhkan pada Julai 1965, sejumlah 114,897 buah keluarga telah ditempatkan di 304 buah tanah rancangan di seluruh negara. Sejak itu juga dianggarkan sejumlah 700,000 orang generasi kedua FELDA telah dilahirkan (FELDA 1999). Daripada jumlah itu, sebahagian besar mereka berjaya melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan berjaya dalam bidang masing-masing. Malah terdapat lebih 6,000 orang generasi ketiga dan keempat FELDA kini sedang menuntut di IPT empatan dan luar negara (Nor Aini 2004). Dalam konteks sedemikian, timbul pula isu lain, antaranya: adakah wujud kelestarian sumber manusia di FELDA dan adakah generasi pelapis yang terus menetap di Felda ini kurang berkualiti berbanding mereka yang berhijrah dan berkerjaya di luar Felda?

Persoalan yang ingin dibincangkan dalam makalah ini amat berkait rapat dengan isu kekurangan tenaga kerja di kalangan generasi kedua FELDA yang telah menarik minat para pengkaji sebelum ini (lihat Asan Ali 1999, Asan Ali & Hassan 2003, Rokiah 1992, Yahaya 1995). Perbincangan ini dibahagikan kepada dua bahagian. Pertama, perbincangan mengenai pembangunan pendidikan FELDA secara umum berdasarkan data sekunder yang dikumpul dari Ibu Pejabat FELDA. Kedua, perbincangan tentang implikasi pembangunan pendidikan adalah berdasarkan kajian kes yang dijalankan di Felda Bersia, Grik, berdasarkan pola kerjaya dan penempatan generasi kedua FELDA setelah tamat persekolahan di FELDA.

PEMBANGUNAN PENDIDIKAN DI FELDA

Sejak pembukaan tanah rancangan FELDA, pelbagai program dan kemudahan pendidikan telah disediakan khusus untuk anak-anak peneroka. Misalnya sehingga tahun 2006, sebanyak 266 buah sekolah rendah dan 96 buah sekolah menengah telah dibina di tanah

rancangan FELDA seluruh negara. Pihak FELDA sendiri turut menubuhkan Biro Pendidikan di bawah Jabatan Pembangunan Masyarakat. Pihak FELDA juga menjalankan pelbagai aktiviti pendidikan untuk meningkatkan kualiti pelajaran anak-anak FELDA supaya dapat melahirkan generasi berilmu, bertanggungjawab dan mampu bersaing. Golongan sasaran program pendidikan FELDA ialah pelajar sekolah dan juga ibu bapa pelajar.

Pembangunan pendidikan FELDA secara umumnya terbahagi kepada empat dimensi; iaitu melalui peruntukan kewangan untuk program pendidikan dan biasiswa; perancangan program di peringkat pusat; pelaksanaan program di sekolah FELDA; dan kerjasama FELDA dengan Kementerian Pelajaran, Pejabat Pendidikan Daerah, PIBG dan komuniti FELDA.

- a. Peruntukan kewangan. Sebanyak RM5 juta disediakan dengan RM15,000 setiap FELDA yang disalurkan kepada Gerakan Kesejahteraan Keluarga (GKK). Aktiviti pendidikan dianjurkan (motivasi teknik belajar, bengkel teknik menjawab soalan peperiksaan dan persediaan menghadapi peperiksaan) oleh GKK, guru dan ibu bapa untuk kecemerlangan pelajar. Ibu bapa sendiri diberi sesi penerangan dan perbincangan tentang motivasi diri, membimbing anak-anak belajar, pemakanan, jadual belajar dan lain-lain.
- b. Penubuhan Pusat Literasi Keluarga (PLK) oleh FELDA dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bertujuan untuk memberi pendedahan awal kanak-kanak berumur 3 – 5 tahun ke arah minat membaca. Sehingga tahun 2006, terdapat 227 PLK di seluruh FELDA.
- c. Taman Bimbingan Kanak-kanak (TABIKA) dibangunkan oleh FELDA, yang menyediakan bangunan, latihan dan gaji guru, peralatan untuk tujuan pra-sekolah. Setiap tanah rancangan mempunyai TABIKA masing-masing yang kini dikelolakan oleh KEMAS (agensi Jabatan Kemajuan Masyarakat), selaras dengan peraturan mewajibkan pendidikan pra-sekolah di Malaysia.
- d. Skim Tuisyen FELDA (STF) disasarkan kepada pelajar yang bakal menduduki peperiksaan PMR dan SPM supaya mereka dapat menguasai pelajaran dan seterusnya bersedia menghadapi peperiksaan ke arah keputusan cemerlang. Sehingga tahun 2006, seramai 158,454 orang pelajar mengikuti kelas tuisyen yang disediakan di tanah rancangan FELDA dengan peruntukan kewangan sebanyak RM42.5 juta.
- e. Asrama Semai Bakti (ASB) dibina dan diuruskan oleh FELDA bagi anak peneroka yang berjaya melanjutkan persekolahan di sekolah terpilih. ASB terdapat di Kelana Jaya, Kuala Lumpur, Trolak dan Johor Bharu. Seramai 7,847 pelajar memanfaatkan kemudahan tempat tinggal ini.

FELDA juga menyediakan dana untuk membantu anak-anak FELDA melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Sejak tahun 1976, Tabung Pinjaman Pelajaran Tinggi telah disediakan bagi membantu pelajar dalam kalangan anak peneroka FELDA untuk mengikuti kursus bertaraf ijazah dan diploma. Pada tahun 1994, dermasiswa pendidikan telah dikeluarkan kepada 1,4000 orang pelajar. Manakala sehingga tahun 2006, seramai 4,678 anak peneroka telah menerima geran pendidikan untuk melanjutkan pengajian ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS).

Program Pendidikan Tertiar iaitu program lepasan sekolah bagi pelajar kurang cemerlang untuk mengkhusus dalam bidang teknikal di pelbagai institusi awam dan swasta seperti Pusat Latihan Trolak milik FELDA sendiri dan 48 Pusat Latihan Swasta selain kolej berprestij seperti Kolej Universiti LKW, Unitar, Twintech dan lain-lain. Sehingga tahun 2006 seramai 11,410 pelatih telah mengikuti pelbagai kursus kemahiran yang melayakkan mereka bekerja sebagai pekerja mahir dan separuh mahir. Program lain termasuklah Seminar Pendidikan FELDA Peringkat Wilayah untuk ibu bapa dan petugas sosial FELDA (JKKR, GPW, Belia) yang bertujuan meningkatkan komitmen dan kesedaran tentang peranan mereka sebagai penggerak kecemerlangan pendidikan warga FELDA. FELDA juga melaksanakan aktiviti pemantapan sahsiah dan jatidiri, seperti Kursus Imam Muda, Kem Bina Remaja, Kursus Pembinaan Sahsiah dan Jatidiri, serta Program Sukarelawan FELDA (aktiviti kemasyarakatan dan membantu warga emas). Melalui program ini, FELDA mampu melahirkan modal insan yang lebih holistik.

Program pembangunan pendidikan yang diusahakan oleh pihak FELDA menunjukkan agensi tersebut begitu komited untuk membantu warga FELDA, khususnya generasi kedua. Hasrat untuk meningkatkan taraf pendidikan anak peneroka melalui peluang dan kemudahan pembelajaran yang disediakan amat menguntungkan warga peneroka jika dibandingkan dengan petempatan luar bandar lain.

PRESTASI PENDIDIKAN DI FELDA

Secara keseluruhannya, prestasi pendidikan di FELDA seluruh negara menunjukkan pencapaian yang agak sederhana dengan sedikit peningkatan dari tahun ke tahun. Misalnya, pencapaian pelajar FELDA bagi penilaian di peringkat Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) menunjukkan kadar lulus yang melebihi 60 peratus antara tahun 2003 dan 2005. Keadaan yang hampir sama turut berlaku di peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR) dengan kadar lulus antara 55 dan 62 peratus. Namun pencapaian pelajar FELDA di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) amat memberangsangkan dengan peratusan yang lulus melebihi 94 peratus (Jadual 1). Walau bagaimanapun, nisbah pelajar cemerlang di semua peringkat peperiksaan amat kecil. Sehubungan itu, bilangan pelajar yang berjaya memasuki sekolah asrama penuh secara relatifnya kecil.

Jadual 1 : Prestasi pelajar FELDA di Malaysia dalam UPSR, PMR dan SPM , 2003 – 2005

Peperiksaan & Pencapaian	2003	2004	2005
UPSR (N=89,712)			
1. Lulus	64.7	64.7	65.3
2. Cemerlang (5A)	4.5	4.0	4.8
PMR (N=69,457)			
1. Lulus	55.7	53.7	61.8
2. Cemerlang (6A & ke atas)	2.04	0.54	2.1
SPM (N=49,130)			
1. Lulus	95.3	94.7	95.2
2. Cemerlang (6A & ke atas)	1.7	0.9	3.0

Sumber: FELDA 2006.

Bagi pelajar yang mempunyai pencapaian sederhana dan menunjukkan minat dalam jurusan teknikal, mereka berpeluang meneruskan pengajian dalam bidang kemahiran dan separa mahir seperti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dan teknikal. Kemahiran teknikal memang diperlukan dalam pasaran pekerjaan sekarang selaras dengan perkembangan ekonomi Malaysia ke arah negara perindustrian. Sehubungan itu, generasi FELDA yang mempunyai kelulusan teknikal turut menawarkan diri untuk bekerja dalam bidang berkaitan di bandar atau kawasan lain di luar tanah rancangan.

Pelajar yang berprestasi sederhana yang lain pula menawarkan diri untuk mengisi jawatan dalam sektor perkhidmatan sama ada di sektor awam atau swasta. Mereka juga mengisi pekerjaan di kilang yang berselerak di pelbagai estet perindustrian di seluruh negara. Lokasi mereka bertugas di luar FELDA menyebabkan ramai generasi kedua ini terus menetap di luar FELDA. Golongan pelajar yang agak lemah dalam pelajaran lazimnya merupakan golongan yang rendah pencapaian pendidikannya. Kebanyakan golongan tersebut terus tinggal di FELDA dan bekerja di ladang atau di bandar berhampiran dengan cara berulang alik. Secara keseluruhannya, nisbah generasi kedua yang kekal menetap di tanah rancangan secara relatifnya lebih kecil berbanding golongan yang berhijrah keluar. Keadaan ini mungkin disebabkan fungsi sistem pendidikan yang jelas berorientasikan penyediaan sumber manusia untuk sektor bandar. Dalam hal ini, kajian kes di Felda Bersia cuba meneliti implikasi pembangunan pendidikan kepada generasi keduanya.

METODOLOGI

Data kajian yang dibincangkan dalam makalah ini terbahagi kepada dua kategori, iaitu data sekunder tentang program pembangunan pendidikan FELDA di peringkat FELDA pusat. Tujuannya untuk melihat usaha FELDA meningkatkan prestasi pendidikan generasi kedua di seluruh tanah rancangan FELDA. Data primer pula dikumpul menerusi kerja lapangan di Felda Bersia, Grik, Perak bertujuan melihat secara lebih dekat pencapaian pendidikan generasi kedua dan implikasinya ke atas sumber manusia di felda berkenaan menerusi analisis mudah pola kerjaya dan lokasi pekerjaan mereka.

KAWASAN KAJIAN

Felda Bersia terletak di wilayah Trolak, Mukim Gerik di Daerah Hulu Perak. Pekan yang terdekat adalah Pekan Gerik dengan jarak 12 kilometer. Jaraknya dari Bandaraya Ipoh pula ialah 146 kilometer manakala 65 kilometer dari Bandar Baling di Kedah. Felda ini terletak di tepi Lebuhraya Timur Barat serta enam kilometer dari Empangan Temenggor dan lima kilometer dari Empangan Bersia. Felda ini juga terletak di pertengahan jalan menuju ke Hutan Simpan Belum.

Felda Bersia mula dibuka pada tahun 1961 dan merupakan antara tanah rancangan tertua di negeri Perak. Jumlah keluasannya ialah kira-kira 1,801.86 hektar dengan 1,379.78 hektar kawasan ditanami dengan getah serta kelapa sawit (2004) manakala 1,221.98 hektar kawasan yang mengeluarkan hasil. Felda Bersia terdiri daripada empat unit kawasan yang dinamakan Peringkat Satu (P1), Peringkat Dua (P2), Peringkat Tiga (P3) dan Peringkat Empat (P4). Pada awal pembukaan tanah rancangan ini, jumlah penduduknya ialah 1,347 orang yang terdiri daripada 680 orang peneroka suami-isteri, anak-anak mereka dan kaki tangan FELDA. Kini jumlah keseluruhan penduduk di felda ini ialah kira-kira 2,500 orang. Felda Bersia mempunyai

kemudahan pendidikan yang terdiri daripada sekolah menengah, sekolah rendah, sekolah agama rakyat, pendidikan pra-sekolah dan pusat literasi keluarga.

HASIL KAJIAN

Program pendidikan yang telah dilaksanakan di Felda Bersia, Grik bertujuan untuk meningkatkan pencapaian akademik di kalangan pelajarannya. Bagi pelajar sekolah rendah (UPSR), program pembangunan pendidikan FELDA yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- a. Skim Tuisyen FELDA (STF): Program telah dimulakan pada tahun 2004 di bawah anjuran pihak FELDA dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia. STF mensasarkan murid Tahun 5 dan Tahun 6 sekolah kebangsaan yang akan menduduki peperiksaan UPSR. Program tuisyen ini dijalankan selama dua jam pada setiap hari Rabu dan Khamis meliputi mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains. Selain kelas tuisyen, STF juga mengendalikan program bimbingan, motivasi diri dan latihan menjawab soalan peperiksaan UPSR. Antara program motivasi yang telah dijalankan adalah Program Kem Motivasi Jati Diri Murid dan Ibu bapa bagi murid Tahun 6, Ceramah Keibu bapaan dan Program Semarak Kasih.
- b. Skim Baucer Tuisyen (SBT): SBT merupakan sebuah program intervensi pendidikan bertujuan memberi peluang kepada murid yang miskin dan lemah dalam pelajaran mengikuti kelas tuisyen melalui bantuan yuran. Pada tahun 2007, SBT telah melibatkan seramai 67 orang murid Tahun 6 yang tidak menyertai program STF.
- c. Program Kelas Kepung: Ini merupakan satu program bimbingan intensif yang melibatkan semua murid Tahun 6 dan semua guru yang mengajar Tahun 6. Program ini dijalankan selama sembilan hari dari jam 8 pagi hingga jam 10 malam untuk meningkatkan prestasi UPSR.
- d. Gerak Gempur: Program Gerak Gempur ini merupakan persiapan terakhir kepada semua murid Tahun 6 yang bakal menduduki peperiksaan UPSR. Antara program yang dijalankan termasuklah ulangkaji, ujian percubaan dan bengkel menjawab soalan peperiksaan yang dilakukan antara bulan Jun hingga Ogos.

Bengkel Menjawab Soalan UPSR: Ini merupakan sebuah program yang dianjurkan bersama oleh RISDA Hulu Perak dan Sekolah kebangsaan RKT Bersia bertujuan meningkatkan persediaan murid menghadapi peperiksaan, termasuk memupuk keyakinan dan ketahanan mental.

- e. Program Kem Motivasi Tahun Lima (pelajar dan ibu bapa): Merupakan satu bengkel motivasi ibu bapa dan murid Tahun 5 bagi memberi kesedaran dan bimbingan sebagai persediaan awal UPSR.
- f. Ceramah Keibu bapaan: Program ini dianjurkan oleh PIBG untuk ibu bapa Tahun 4, 5 dan 6 (seramai 222 orang) bagi memupuk kesedaran, kefahaman dan peka tentang persekolahan dan sahsiah anak-anak.

Bagi pelajar sekolah menengah pula, antara program peningkatan pencapaian akademik yang dijalankan termasuklah:

- a. Skim Tuisyen FELDA: Program ini merupakan inisiatif FELDA dengan kerjasama pihak sekolah untuk membantu pelajar yang akan menduduki peperiksaan. Guru-guru terlibat akan memberi tuisyen guru kepada pelajar Tingkatan 3 (43 orang pelajar) dan Tingkatan 5 (35 orang) di luar waktu sekolah.
- b. Kursus Kemahiran Belajar: Kursus ini dianjurkan oleh Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Perak khas untuk pelajar Tingkatan 1 dan 2 (50 orang) bagi memberi pendedahan tentang teknik dan kemahiran belajar.
- c. Kemahiran Belajar Tingkatan 3: bermatlamat meningkatkan kemahiran belajar sendiri secara lebih efektif.
- d. Program Tuisyen Gemilang Yayasan Negeri Perak: khusus untuk pelajar yang akan menduduki peperiksaan PMR dan SPM (20 orang) yang berpotensi untuk mencapai keputusan cemerlang bersama waris masing-masing. Sasarannya ialah 7A bagi PMR dan 8A bagi SPM.
- e. Program Pecutan Akhir PMR dan SPM: melibatkan pelajar sederhana ke arah daya usaha berlipat ganda memandangkan peperiksaan kian hampir, dengan menanamkan perasaan ingin berjaya dan latihan latih tubi untuk menghadapi peperiksaan.
- f. Program Gemilang SPM 2007: satu program bagi member persediaan dari aspek fizikal, emosi dan mental calon peperiksaan bersedia sepenuhnya. Ibu bapa juga diberi motivasi dan kemahiran membantu anak-anak dengan falsafah 'bantu diri untuk bantu anak-anak'.
- g. Kem Cemerlang Akademik SPM : program smart partnership antara sekolah Hulu Perak bertujuan meningkatkan prestasi pelajar dalam peperiksaan SPM.
- h. Program Motivasi Keibubapaan dan Pelajar PMR 2007: program motivasi ibubapa untuk membantu anak-anak menerusi kemahiran mendidik.
- i. Program Mentor untuk pelajar Tingkatan 5: program ibu atau bapa angkat bagi memberi motivasi dan bimbingan kepada pelajar Tingkatan 5 untuk meningkatkan prestasi pelajar.

Hasil inisiatif dan program yang dijalankan secara bersama ini, maka antara tahun 1998 hingga 2006, daripada 874 orang calon UPSR, 7.4 peratus mencapai keputusan cemerlang dengan 5A dan 4A dengan 36.6 peratus lulus semua mata pelajaran. Manakala seramai 32 orang pelajar UPSR berjaya melanjutkan pelajaran ke sekolah berasrama penuh. Bagi pelajar yang menduduki PMR pula, daripada 842 orang calon, 1.8 peratus mencapai keputusan cemerlang dengan 41.4 peratus lulus semua mata pelajaran, sementara 17 orang telah ditawarkan ke sekolah berasrama penuh.

Bagi peringkat peperiksaan SPM pula, peratus lulus semua mata pelajaran amat membanggakan dengan 92.5 peratus dengan 1.6 peratus mencapai keputusan cemerlang. Seramai

26 orang pelajar telah melanjutkan pelajaran mereka ke IPT, 38 orang pelajar ke Tingkatan 6 serta 60 orang lagi mengikuti latihan kemahiran (Jadual 2).

Jadual 2: Pencapaian pendidikan pelajar sekolah di Felda Bersia, 1998 - 2006

Peperiksaan (N= 2328)	Peratus Cemerlang (5A & 4A)	Peratus Lulus (semua mata mata pelajaran)	Peratus Gagal (sebahagian pelajaran)	Mobiliti Pendidikan N= 173 orang (7.4 %)
UPSR (N= 874)	7.4	36.6	56.0	32 pelajar berjaya ke sekolah asrama penuh.
PMR (N= 842)	1.8	41.4	56.8	17 pelajar pindah ke sekolah srama penuh dan pelajar sederhana cemerlang masuk sekolah teknik.
SPM * (N= 612)*	1.6	92.5	7.5	26 pelajar ke IPT, 38 pelajar ke Tingkatan 6 dan 60 pelajar mengikuti latihan kemahiran.

Nota: * Sijil terbuka semenjak 2000.

Sumber: Fail SKRKT Bersia 2007, Fail SMRKT Bersia 2007.

Prestasi pendidikan generasi kedua di Felda Bersia amat berkait rapat dengan kerjaya dan lokasi pekerjaan mereka setelah tamat persekolahan atau pengajian. Ciri-ciri sumber manusia generasi kedua ini boleh dirujuk seperti berikut. Pelajar cemerlang keseluruhannya meneruskan pengajian mereka di sekolah berasrama penuh (termasuk Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan sekolah teknik), kolej pra-universiti dan pusat latihan kemahiran yang kesemuanya terletak di bandar atau di luar FELDA. Migrasi keluar generasi kedua FELDA melibatkan pelajar berumur seawal umur 12 tahun, 15 dan 17 tahun. Pelajar cemerlang FELDA menghabiskan tempoh pengajian mereka di bandar dan sebahagian mereka belajar di luar negara. Selepas itu, mereka memasuki dunia pekerjaan di pelbagai sektor sekunder dan teriari yang merupakan sektor ekonomi di bandar. Golongan yang kurang cemerlang terpaksa bekerja dalam sektor pekerjaan berstatus rendah.

Jika mereka terus tinggal di FELDA, peluang pekerjaan adalah agak terhad dan berpendapatan rendah. Berdasarkan Jadual 3, sebanyak 67.6 peratus generasi kedua ini telah berhijrah keluar berbanding 32.4 peratus yang masih menetap di felda. Bagi mereka yang berhijrah keluar, kebanyakannya bekerja dalam sektor awam dan swasta. Sementara bagi mereka yang menetap di felda, kebanyakannya iaitu 48.5 peratus masih meneruskan tradisi orang tua mereka sebagai pekerja di ladang.

Jadual 3: Kerjaya generasi kedua yang menetap di Felda Bersia dan yang berhijrah keluar Felda Bersia

Sektor pekerjaan	Menetap di Felda Bersia N= 235 (32.4%)	Berhijrah keluar N= 490 (67.6%)
Pertanian / menoreh getah	48.5	7.1
Sektor awam	8.0	26.7
Sektor swasta	1.0	12.7
Operator kilang	-	12.2
Buruh	-	1.8
Berniaga	3.0	2.7
Pelajar	3.4	1.5
Suri rumah	23.4	12.6
Tiada kerja /mencari kerja	7.7	12.3
Lain-lain: (juruteknik, jururawat, jurujual, pegawai)	8.0	10.4

Sumber: Kerja lapangan 2007.

Dari segi taburan generasi kedua ini, kebanyakan mereka menetap di sekitar negeri Perak dan Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, terdapat juga sebilangan iaitu 10.5 peratus berada di luar negara seperti Singapura, Arab Saudi dan China atas pelbagai urusan seperti pekerjaan dan meneruskan pengajian (Jadual 4). Keadaan ini menunjukkan bahawa, mobiliti sosial di kalangan generasi felda kini semakin berkembang dan mereka tidak lagi tertumpu semata-mata kepada sumber mata pencarian di tanah rancangan.

Jadual 4: Pola taburan generasi kedua Felda Bersia mengikut negeri

Negeri	Jumlah (N= 490)	Peratus
Perak	194	39.6
Kuala Lumpur	90	18.4
Pulau Pinang	49	9.8
Kedah	45	9.2
Selangor	36	7.4
Pahang	25	5.1
Lain-lain: termasuk luar negara iaitu Singapura, China dan Arab Saudi	51	10.5

Sumber: Kerja lapangan 2007.

Menurut Nor Aini (2004) mobiliti sosial di kalangan generasi kedua ini berlaku secara menegak dan mendatar. Bagi mereka yang mempunyai pendidikan tinggi, peluang mereka untuk mendapat pekerjaan yang baik dan lumayan adalah cerah apabila mereka berhijrah keluar. Namun bagi mereka yang berpendidikan sederhana, mereka mengalami mobiliti secara mendatar apabila golongan tersebut mencari pekerjaan di sekitar kawasan Felda yang berhampiran.

PERBINCANGAN

Kekurangan golongan muda di FELDA telah meninggalkan beberapa implikasi negatif kepada ekonomi dan komuniti Felda Bersia. Kesan yang paling ketara ialah penuaan golongan peneroka FELDA. Kebanyakan golongan peneroka ini telah lanjut usia dan tidak lagi mempunyai keupayaan fizikal untuk mengerjakan ladang. Hakikatnya, kini 65.8 peratus generasi kedua terpaksa mengambilalih tugas orang tua mereka menguruskan ladang, sementara peneroka lain menggunakan khidmat pekerja asing sepenuhnya. Sementara itu berlaku ketidakseimbangan umur dan jantina akibat pengaliran keluar generasi kedua. Di samping itu, bagi aktiviti kemasyarakatan, walaupun terdapat kemudahan sosial seperti dewan serbaguna dan padang permainan disediakan, tetapi tidak dimanfaatkan sepenuhnya. Aktiviti kemasyarakatan sukar dilaksanakan kerana tidak ramai golongan muda berpotensi menggerakannya.

Dari aspek pendidikan, pencapaian pendidikan di FELDA masih perlu dibaiki dan diteruskan. Kejayaan pelajar cemerlang mendapat peluang meneruskan pembelajaran di sekolah pilihan dan seterusnya melanjutkan pelajaran ke IPT adalah hasil pembangunan pendidikan yang diusahakan. Sebagai komuniti luar bandar yang terancang, komuniti FELDA mendapat peluang mobiliti sosial yang lebih banyak berbanding dengan komuniti luar bandar lain, termasuk kampung tradisional. Walau bagaimanapun, terdapat pelbagai isu berbangkit daripada pencapaian pendidikan di FELDA. Antaranya pembangunan pendidikan tidak disertai dengan penyediaan peluang pekerjaan di FELDA terutamanya dalam sektor bukan pertanian. Ini membataskan minat golongan muda yang tidak berminat dalam sektor pertanian menetap di FELDA. Selain itu, sistem pendidikan dan tumpuan akademik tidak langsung mempunyai kaitan dengan bidang pertanian. Implikasinya, FELDA kehilangan sekitar 70 peratus generasi kedua yang bertindak sebagai tenaga kerja muda dan berpotensi kepada sektor bandar.

Walaupun bagaimanapun, terdapat usaha terbaru yang dijalankan oleh pihak FELDA dan kerajaan meliputi usaha menarik golongan muda berkecimpung dalam sektor berasaskan pertanian seterusnya dapat menetap di kawasan felda. Antara usaha tersebut termasuklah penubuhan Felda Jaya yang berorientasikan penyediaan perumahan dan pendidikan teknikal kepada golongan muda felda. Program SAWARI (satu industri satu wilayah) pula bertolak daripada usaha mempelbagaikan ekonomi FELDA dan pembangunan sumber manusia yang bertunjangkan teknologi dan keusahawanan. Justeru itu, pembangunan pendidikan FELDA perlu diorientasikan untuk mengisi rancangan mempelbagaikan ekonomi FELDA. Keutamaan perlu diberikan kepada industri yang berasaskan pertanian sebagaimana slogan yang berbunyi 'pertanian adalah permiaaan' harus dihayati oleh semua pihak di FELDA.

KESIMPULAN

Tanah rancangan FELDA merupakan satu model pembangunan tanah yang paling berjaya di Malaysia. Model pembangunan ini berjaya menstranformasikan kawasan luar bandar dan kawasan pedalaman kepada sebuah kawasan petempatan yang lebih moden dan kawasan perladangan komersil. Seiring dengan itu juga, kejayaan FELDA sebagai agen pembangunan tanah luar bandar dan wilayah dapat dilihat dari segi peningkatan taraf hidup terutamanya bidang pendidikan anak-anak peneroka. Hasilnya sehingga kini telah ramai generasi kedua FELDA berjaya dalam pelajaran dan berjawatan tinggi dalam pelbagai sektor malah kecemerlangan ini diteruskan oleh generasi ketiga dan keempat.

Walau bagaimanapun, kajian-kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa kebanyakan tanah rancangan FELDA sekarang menuju kepada masalah dari segi melestarikan sumber manusia dari kalangan anak-anak peneroka sendiri untuk meneruskan aktiviti pertanian perladangan di tanah rancangan. Keadaan ini mungkin berpunca daripada orientasi sistem pendidikan tidak seiring dengan perkembangan ekonomi FELDA dan keadaan semasa menyebabkan pilihan kerjaya di tanah rancangan agak terbatas, justeru generasi kedua terpaksa berhijrah ke bandar. Dalam hal ini, prospek melestarikan sumber manusia FELDA amat bergantung kepada perancangan baru untuk menggerakkan ekonomi dan persekitaran FELDA ke arah menyediakan pelbagai peluang sosial dan ekonomi kepada generasi muda FELDA.

RUJUKAN

- Asan Ali Golan Hassan. 1999. Migrasi keluar generasi kedua: dampaknya terhadap sosio ekonomi masyarakat FELDA. Retrieved from <http://www.uum.edu.my> .
- Asan Ali & Hassan Ali. 2003. Migrasi keluar generasi kedua dan dampaknya terhadap sosioekonomi masyarakat FELDA. Dlm Razali Agus & Yahya Ibrahim (pnyt.) Penilaian dampak sosial. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distribution Bhd.
- FELDA. 1994. Laporan Tahunan FELDA. Kuala Lumpur: Ibu Pejabat FELDA.
- FELDA. 1995. Laporan Tahunan FELDA. Kuala Lumpur: Ibu Pejabat FELDA.
- FELDA. 1996. Laporan Tahunan FELDA. Kuala Lumpur: Ibu Pejabat FELDA.
- FELDA. 1997. Laporan Tahunan FELDA. Kuala Lumpur: Ibu Pejabat FELDA.
- FELDA. 1998. Laporan Tahunan FELDA. Kuala Lumpur: Ibu Pejabat FELDA.
- FELDA. 1999. Laporan Tahunan FELDA. Kuala Lumpur: Ibu Pejabat FELDA.
- FELDA. 2000. Laporan Tahunan FELDA. Kuala Lumpur: Ibu Pejabat FELDA.
- FELDA. 2001. Laporan Tahunan FELDA. Kuala Lumpur: Ibu Pejabat FELDA.
- FELDA. 2005. Laporan Tahunan FELDA. Kuala Lumpur: Ibu Pejabat FELDA.
- FELDA. 2006. Laporan Tahunan FELDA. Kuala Lumpur: Ibu Pejabat FELDA.
- Nor Aini Idris. 2002. Pendidikan dan pembasmian kemiskinan. Kajian kes mobiliti sosial di kalangan generasi kedua FELDA. Dlm Prosiding SKIM 8: Pembangunan Manusia di Indonesia dan Malaysia. 8-10 Oktober, 2002, UKM.
- Nor Aini Idris. 2004. Mobiliti sosial di kalangan generasi kedua FELDA. Akademika (Januari): 83-95.

Rahmah Ismail. 2003. Ekonomi pembangunan: Isu-isu sumber manusia. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rokiah Talib. 1992. Pembangunan tanah: Strategi FELDA untuk perubahan. DLM King, V.T. & Nazaruddin Mohd Jali (pnyt.). Isu-isu pembangunan luar bandar Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wan Mohd Zahid Nordin. 1993. Wawasan Pendidikan: Agenda Pengisian. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.

Yahya Ibrahim. 1995. Migrasi keluar dan permasalahan sosial remaja FELDA. Jurnal Antropologi dan Sosiologi Bil 22:97-113.

Noraziah Ali, Noorzah Zakaria & Mohd Azlan Abdullah
Pusat Pengajian Sosial Pembangunan dan Persekitaran
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600. Bangi Selangor
Email: alit@ukm.my